

# UTHM bantu SK Orang Kaya Ali

**MUAR** - Seramai 23 peserta program Khas Pensiwazahan Guru Besar (PKPGB) dari Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) menjalankan hubungan erat bersama warga Sekolah Kebangsaan (SK) Orang Kaya Ali di sini, baru-baru ini.

Hubungan itu terjalin menerusi bantuan mewujudkan laman sesawang sekolah dan penubuhan pusat akses maklumat SK Orang Kaya Ali.

Dekan Fakulti Teknikal dan Vokasional UTHM, Dr Razali Hassan berkata, kerjasama itu terjalin sempena program Semaian Kasih Semarak Budi 2013.

"Program bertemakan 'Masyarakat Penyayang Generasi Terbilang' bertujuan merapatkan jurang interaksi dan penglibatan masyarakat tempatan bagi meningkatkan kecemerlangan sekolah."

"Hubungan ini wajar diteruskan kerana banyak memberi manfaat bukan sahaja kepada warga sekolah, tetapi meliputi masyarakat setempat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Selain itu, UTHM turut menyumbangkan sebanyak 12 komputer bagi melengkapkan kemudahan pusat akses untuk kegunaan warga sekolah dan penduduk setempat.